

FYP FTKW

PELESTARIAN WARISAN TAPAK: KAJIAN KES
DI GUA CHA, KELANTAN

NIK NURUL IZZATI BINTI NEK ASMADI

UNIVERSITI
—
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN

2022



**PELESTARIAN WARISAN TAPAK: KAJIAN KES
DI GUA CHA, KELANTAN**

OLEH:

NIK NURUL IZZATI BINTI NEK ASMADI

Projek Penyelidikan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi
Keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


2022

PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

(IC) 980807035068

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

Tarikh: 22/2/2022

Tarikh: **28/02/2022**

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS CERTIFICATE


I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution..

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*

**RESTRICTED**

(Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature



Signature of Principal Supervisor



(IC) 980807035068

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

Date: 22/2/2022

Date: 28/02/2022

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, segala puji bagi Allah SWT, tuhan yang saya percaya kerana memberi keizinan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Syukur juga kepada tuhan yang masih memberi kesempatan kepada saya untuk menjalankan penyelidikan walaupun kesihatan sedikit terganggu kerana virus Covid-19 ini. Segala pujian dan selawat ke atas Allah SWT dan Nabi Muhammad S.A.W.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Dr Norazlinda binti Mohamed Rosdi selaku pensyarah dan penyelia kepada projek penyelidikan saya pada tahun akhir ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari beliau, mustahil untuk saya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Oleh itu, dorongan dan tunjuk ajar beliau sangat membantu saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini tanpa putus asa. Semoga beliau diberi rezeki dan kesihatan yang berpanjangan dari Allah SWT.

Seterusnya adalah penghargaan dan jutaan terima kasih kepada kedua ibu baoa saya yang terus memberi sokongan kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Kedua ibu bapa saya ialah Nek Asmadi bin Samad dan Torhiroh Jehwaerong, serta tidak dilupakan juga bantuan dan sokongan dari adik-beradik saya sendiri sepanjang saya menjalankan kajian ini. Pada kesempatan ini saya juga turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak lokek dalam berkongsi ilmu kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir kalam, semoga insan-insan yang membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini diberkati oleh Allah SWT sepanjang hidupnya.

PELESTARIAN WARISAN TAPAK: KAJIAN KES DI GUA CHA, KELANTAN

ABSTRAK

Malaysia mempunyai warisan yang menjadi kebanggaan negara sama ada dari segi warisan ketara mahupun warisan ketara. Warisan yang kita miliki ini mempunyai nilai sejarah yang menjadi lambang identiti kepada Malaysia dan juga kepada rakyatnya. Kajian ini adalah berkaitan dengan tapak warisan iaitu Gua Cha, Kelantan dimana tapak warisan ini terkenal sebagai tapak arkeologi warisan. Tapak ini masih dikunjungi oleh para penyelidik dan para pelancong, namun keadaan semasa tapak berkenaan yang perlu diberi perhatian agar tapak warisan berkenaan dapat bertahan untuk generasi yang akan datang. Justeru kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan masyarakat berkaitan sejarah dan perkembangan Gua Cha serta langkah pemeliharaan dan pemuliharaan berkaitan tapak warisan berkenaan.

Kata kunci: warisan, pemeliharaan, pemuliharaan, arkeologi

SITE HERITAGE PRESERVATION: A CASE STUDY IN GUA CHA, KELANTAN

ABSTRACT

Malaysia have a lot of heritage that is the pride of the country both in terms of tangible and intangible heritage. This heritage has a historical value that is a symbol of identity to Malaysia and the people. In this case, the researcher will do some research to collect the date that is related to the heritage site of Gua Cha, Kelantan where this heritage site is known as a heritage archaeological site. This site is still visited by researchers and tourists, but the current condition of the site needs to be given attention so that the heritage site can survive for future generations and also the conservation process that related to the heritage site.

Keywords: heritage, preservation, conservation, archaeology

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	x

BAB I PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang	3
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.6.1	Individu	7
1.6.2	Masyarakat	8
1.7	Kesimpulan	9

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	11
2.1	Kajian Literature	15
2.3	Kerangka Teori	8

2.5	Kesimpulan	14
BAB III METODOLOGI KAJIAN		
3.0	Pengenalan	20
3.1	Kaedah Kajian	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Data Primer	23
	3.3.1 Kaedah Soal Selidik	23
3.4	Data Sekunder	24
	3.4.1 Kajian Kepustakaan	24
	3.4.2 Sumber Internet	25
3.5	Kaedah Analisis Data	26
3.6	Kesimpulan	28
BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	30
4.1	Sejarah dan Perkembangan Gua Cha	31
	4.1.1 Sejarah Awal Gua Cha, Kelantan	31
	4.1.2 Perkembangan Gua Cha, Kelantan	36
	4.1.3 Pengetahuan Masyarakat Berkenaan Tapak Warisan	38
4.2	Perkaitan Kawasan Tersebut Sehingga diangkat Menjadi Tapak Warisan	41
	4.2.1 Sebagai Tempat Penyelidikan	41
	4.2.2 Gua Cha Sebagai Salah Satu Tempat Pelancongan	43
4.3	Kaedah Yang Bersesuaian Untuk Memelihara dan Memulihara Kawasan Berkenaan	53
	4.3.1 Aktiviti dan Pameran	45
	4.3.2 Lawatan Institusi Pendidikan ke Tapak Warisan	47
4.5	Kesimpulan	47

BAB V	PENUTUP	
5.0	Pendahuluan	50
5.1	Ringkasan	51
5.2	Cadangan Saranan	53
	5.2.1 Pemeliharaan Dari Segi Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Lebih Ketat	53
	5.2.2 Pemeliharaan Dengan Memberi Kesedaran Kepada Orang Awam Berkaitan Dengan Tapak Warisan Gua	55
	5.2.3 Pemuliharaan Dari Segi Penjagaan Tapak Warisan Gua Cha Dengan Baik	56
5.3	Kesimpulan	58
	RUJUKAN	60

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Lokasi Gua Cha Di Kelantan	3
Gambar 2	Penemuan Pada Tahun 1954 Oleh Pasukan Arkeologi G.D Sievenking	34
Gambar 3	Penemuan Rangka Hoabinh Di Gua Cha Pada Tahun 1954	35
Gambar 4	Penemuan Di Gua Cha	36
Gambar 5	Tapak Bersejarah Di Gua Cha Kelantan	42
Gambar 6	Lokasi Sekitar Gua Cha, Kelantan	44
Gambar 7	Tapak Bersejarah Gua Cha, Kelantan	45
Gambar 8	Keadaan Lokasi Sekitar Gua Cha, Kelantan Yang Diancam Pembalakan	54
Gambar 9	Keadaan Sekitar Kawasan Warisan Gua Cha, Kelantan	56

SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1	Gua Cha	3
Peta 2	Lokasi Gua Cha Di Gua Musang Kelantan	7

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Negara kita iaitu Malaysia sememangnya terkenal dengan keunikan dan kekayaan warisan budaya. Terdapat beberapa jenis warisan yang ada di Malaysia sama ada dari segi budaya, bahasa, makanan, barang antik, bangunan bersejarah dan juga tapak warisan. Kajian ini akan memfokuskan kepada kajian tapak warisan arkeologi Gua Cha yang terletak di Gua Musang, Negeri Kelantan. Gua Cha menjadi salah satu tapak arkeologi warisan yang mana penyelidikan dilakukan untuk mencari lebih banyak penemuan baru yang ada dalam gua tersebut.

Gua Cha terletak di Sungai Nenggiri, Gua Musang, Kelantan. Gua ini dilaporkan telah ditemui pada tahun 1936 oleh H. D Noone. Sejak dari itu pelbagai kajian telah dilakukan untuk menyelidik pelbagai kemungkinan yang boleh diterokai dari gua tersebut. Jabatan Muzium Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menjalankan kajian di dalam Gua Cha pada tahun 1979 dan 1985. Kedudukan Gua Cha adalah 16KM ke hilir Kampung Kuala Betis iaitu di tebing kiri Sungai Nenggiri di kawasan Ulu Kelantan. Gua ini terdiri daripada keluasan lantai yang hampir 300 Meter persegi. Gua Cha adalah salah satu tapak kajian arkeologi yang terkenal di Semenanjung Malaysia yang mana aktiviti kajian dan penyelidikan masih aktif dijalankan di kawasan berkenaan. Namun, masyarakat umum jarang didekah dengan kepentingan tapak-tapak arkeologi ini.

Penduduk tempatan di sekitar Gua Cha dan juga penduduk dari tempat yang berbeza juga pernah melaporkan mereka menemui perkara yang menarik dalam gua tersebut. Justeru itu, beberapa penyelidikan turut dilakukan sama ada penyelidik tempatan mahupun penyelidik dari luar negara untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang Gua Cha. Beberapa penemuan artifak juga telah ditemui semenjak kajian di gua tersebut dilakukan dan ini mendorong lebih banyak kajian untuk dilakukan. Dikatakan di kawasan berkenaan terdapatnya penemuan rangka tulang manusia terpanjang di dunia dan pelbagai barang purba yang berusia beratus tahun dan penemuan itu telah menarik perhatian beberapa pihak seperti pihak penyelidik dan pelancong dari luar negara. Ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dan juga masyarakat setempat kerana Gua Cha menjadi tumpuan orang ramai yang datang sama ada untuk melancong mahupun yang ingin melakukan kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Gua Cha mempunyai nilai warisan sejarah yang wajar dilindungi dan dikekalkan untuk generasi yang akan datang. Ia wajar diberi perhatian dari segi keadaan sekeliling Gua Cha yang semakin tidak dipedulikan seperti kemudahan awam yang disediakan untuk para pengunjung juga semakin tidak mesra pengunjung. Masih terdapat beberapa golongan yang berkunjung untuk tujuan ekspedisi namun golongan ini semakin berkurang kerana kekurangan kemudahan yang disediakan. Gua Cha yang dahulunya sering menjadi tumpuan para penyelidik dan pengkaji yang datang dan melakukan kajian juga dilihat semakin berkurang. Keadaan ini amat membimbangkan sekiranya salah satu khazanah negara ini semakin diabaikan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan mengambil kira permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat iaitu ketidakpedulian masyarakat terhadap Gua Cha yang sememangnya memiliki sejarah yang menarik yang berkaitan dengan evolusi manusia terutamanya di Negeri Kelantan. Masyarakat setempat dikatakan tidak mengambil tahu dan

menghargai sejarah yang ada di Gua Cha yang dikatakan mempunyai pelbagai kisah dan sejarah yang menarik perhatian terutamanya berkaitan dengan kewujudan masyarakat pada suatu ketika dahulu. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji lebih banyak sejarah yang terdapat pada Gua Cha dan menjadikan kajian ini sebagai rujukan kepada orang ramai kelak.

Permasalahan yang seterusnya ialah mengkaji perkaitan kawasan tersebut sehingga di angkat menjadi tapak warisan. Gua Cha sememangnya mempunyai nilai sejarah dan warisan tertentu yang wajar dikenalkan untuk jangka masa panjang. Oleh itu kajian ini adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang perkara dan nilai yang ada pada tapak arkeologi ini sehingga diangkat sebagai salah satu tapak warisan. Antara sejarah penemuan di tapak arkeologi ini adalah penemuan artifak dan barang tertentu yang menunjukkan tentang kehidupan masyarakat prasejarah terdahulu. Ini termasuklah dengan penemuan adat dan amalan masyarakat terdahulu dalam menjalankan pengebumian mayat bagi masyarakat mereka. Oleh itu kajian ini adalah untuk mengaitkan Gua Cha sebagai salah satu tapak warisan yang ada.

Seterusnya adalah berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berkenaan. Keadaan semasa tapak arkeologi tersebut dilihat semakin tidak diurus dan diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan kawasan tersebut semakin kurang mendapat perhatian daripada pihak pelancong dan juga masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan Gua Cha. Salah satu masalah yang dihadapi di Gua Cha ialah pembalakan dan perladangan yang dilakukan oleh golongan tertentu yang mana telah menjadi ancaman kepada tapak arkeologi awal manusia purba negara ini. Pengkaji akan mengambil kira pendapat dan cadangan daripada orang awam dalam mengkaji kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara tapak warisan Gua Cha ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif kajian telah ditetapkan untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan secara relevan dan untuk memastikan matlamat kajian ini dapat dicapai dengan jelas. Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji pembangunan semula warisan tapak di Gua Cha yang terletak di daerah Gua Musang. Berikut adalah beberapa objektif khusus dalam kajian ini iaitu:

- i) Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Gua Cha.
- ii) Mengkaji perkaitan kawasan tersebut sehingga diangkat menjadi tapak warisan.
- iii) Membincangkan kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara kawasan berkenaan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan yang menjadi perhatian kepada kajian yang akan dilakukan kelak. Antaranya ialah:

- i) Bagaimakah sejarah dan perkembangan kawasan Gua Cha bermula?
- ii) Apakah perkaitan kawasan tersebut sehingga diangkat menjadi tapak warisan?
- iii) Apakah kaedah yang bersesuaian dalam memelihara dan memulihara kawasan berkenaan?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian bagi kajian ini adalah di Gua Cha yang terletak di Ulu Nenggiri Kelantan iaitu di dalam daerah Gua Musang. Lokasi ini dipilih kerana daerah tersebut adalah

daerah kelahiran pengkaji dan kajian lebih mudah untuk dijalankan kerana berada pada kawasan yang berdekatan. Keadaan lokasi ini juga mudah untuk dilawati kerana sudah terdapat beberapa kemudahan awam yang tersedia di sekitar lokasi dan tidak mendatangkan risiko dari segi keselamatan untuk dilawati oleh orang awam. Kajian ini dijalankan dengan menemubual beberapa pihak yang menguruskan tapak warisan ini sama ada pihak berkuasa maupun masyarakat setempat di sekitar kawasan tersebut. Ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan lebih terperinci dan meluas terhadap kawasan warisan tersebut.



Peta 1: Peta Gua Cha

Sumber: Google

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Individu

Kajian ini dilakukan dengan harapan dapat memberi pengetahuan dengan lebih meluas dan berguna kepada penyelidik dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini. Pengkaji berharap agar kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara

kawasan berkenaan dapat dilaksanakan dengan baik untuk terus menjaga kepentingan Gua Cha sebagai salah satu tapak kajian warisan arkeologi. Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada mana-mana pihak yang ingin merujuk kajian yang seterusnya.

1.6.2 Masyarakat

Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang sejarah yang berlaku di Gua Cha serta perkembangan yang berlaku di gua tersebut. Kajian ini juga menerangkan tentang nilai yang ada pada Gua Cha sehingga diberi pengiktirafan sebagai tapak warisan arkeologi yang menjadi perhatian pelbagai pihak sehingga ke peringkat antarabangsa. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat membantu dalam usaha memelihara dan memulihara Gua Cha sebagai tapak warisan yang memberi nilai sejarah penting kepada Negara Malaysia.

1.7 KERANGKA TEORI

1.7.1 Teori Fungsional

Menurut penerangan Talcott Parsons (1902), pembentukan masyarakat adalah daripada perspektif fungsional. Setiap unsur dan lapisan struktur sosial masyarakat memainkan peranan penting dalam membantu mengekalkan kestabilan dalam masyarakat setempat. Setiap lapisan struktur sosial mempunyai peranan yang berbeza yang memerlukan kebergantungan antara satu sama lain. Sebagai contoh, golongan yang berperanan dalam menjaga keselamatan setempat bertanggungjawab dalam memastikan kawasan masyarakat tersebut kekal selamat untuk semua orang dan masyarakat setempat pula menjalin hubungan yang baik dengan golongan yang menjaga keselamatan kawasan setempat agar kesejahteraan dapat dikekalkan. Teori fungsional ini ada kaitan dengan fungsi masyarakat setempat terhadap kawasan bersejarah arkeologi Gua Cha.

Melalui teori yang diperkenalkan ini, pengkaji mengaitkan kajian ini dengan objektif kajian ketiga iaitu membincangkan kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara kawasan berkenaan. Objektif ini melibatkan pandangan dan cadangan masyarakat setempat dalam usaha untuk membangunkan semula Gua Cha sebagai salah satu kawasan pelancongan dan penyelidikan yang lebih dikenali oleh orang ramai. Oleh itu, kerjasama antara masyarakat setempat dan pihak berkuasa dalam usaha pembangunan semula kawasan tersebut amatlah penting. Oleh itu, pengkaji akan melihat cara dan langkah yang boleh dilakukan bersesuaian dengan usaha membangunkan semula tapak arkeologi sejarah Gua Cha sebagai salah satu kawasan pelancongan dan penyelidikan yang terkenal.

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk melihat sejarah dan perkembangan yang berlaku di Gua Cha, Kelantan dengan lebih mendalam dan teliti. Tapak warisan ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kepada negara, para penyelidik dan para pengkaji diluar sana. Malah, tapak warisan Gua Cha ini juga mempunyai nilai pelancongan kepada ekonomi negara dan berpotensi untuk dikembangkan dengan lebih baik dari yang sedia ada. Kajian ini juga menyentuh mengenai pengetahuan dan keprihatinan masyarakat terhadap tapak warisan ini dari segi nilai sejarah dan perkembangan semasa. Ini adalah untuk melihat sejauhmana masyarakat tahu dan ambil berat dengan warisan yang ada di negara sendiri.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian literatur dikenali sebagai kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian ini melibatkan tentang sejarah dan penemuan tapak warisan bersejarah iaitu Gua Cha yang terletak di Ulu Kelantan. Terdapat juga kajian yang berkaitan dengan unsur dan sejarah tentang Gua Cha sehingga diangkat menjadi salah satu tapak warisan bersejarah yang penting. Kajian literatur penting kerana kajian ini menjadi asas panduan dan rujukan kepada pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan yang tepat dan jelas.

Di samping itu, setiap kelemahan dan kekurangan dalam kajian literatur yang setiap ada dapat diperbaiki dengan kajian yang akan datang. Ini adalah untuk memberi manfaat kepada para pengkaji yang akan menggunakan kajian ini sebagai kajian literatur yang seterusnya.

2.2 KAJIAN LITERATUR

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman telah mendefinisikan arkeologi sebagai satu bentuk kajian ke atas barang-barang purba. Kajian yang dilakukan adalah melalui kaedah sistematik pada sekitar abad ke-19. Kini kajian dilakukan sebagai satu disiplin dalam

mengkaji dan membentuk semula sejarah kebudayaan dan sejarah cara hidup masyarakat pada masa terdahulu. Selain itu, ia juga berkaitan dengan proses kebudayaan masyarakat pra sejarah, proto sejarah dan sejarah dengan mengkaji artifak dan non bukan artifak serta melihatnya dalam konteks alam sekitar.

Menurut artikel yang bertajuk ‘Arkeologi Kematian Dan Pengebumian Masyarakat Awal Semenanjung Malaysia’ yang ditulis oleh Jamilah Nur Annissa (2018) telah menceritakan Malaysia mempunyai tapak arkeologi yang mengandungi pelbagai unsur sejarah yang berkaitan dengan masyarakat prasejarah yang terdahulu. Ini termasuklah dari segi corak pemerintahan, berpakaian, kehidupan sosial yang berubah mengikut peredaran zaman dan juga cara pengebumian mayat itu dilakukan. Artikel ini menyebut tentang penemuan rangka dan artifak yang dijumpai di tapak arkeologi tersebut dan mengaitkannya dengan upacara dan kehidupan yang pernah berlaku di kawasan berkenaan. Penemuan tersebut juga dikaitkan dengan anggaran usia rangka yang ditanam dan tempoh kehidupan masyarakat terdahulu mendiami kawasan tersebut sebelum berubah kepada satu masyarakat yang lain.

Berdasarkan laman web Berita Harian yang bertajuk ‘Gua Cha Catat Sejarah Ulung’ yang ditulis oleh Ramli Ibrahim (2020) telah menyatakan tentang Gua Cha sebagai salah satu tempat warisan yang boleh menarik minat para pelancong dan para penyelidik sama ada dari dalam negara ataupun luar negara. Namun terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam menarik minat orang awam untuk berkunjung ke kawasan berkenaan disebabkan tidak diuruskan dengan baik. Malah kemudahan awam yang disediakan juga semakin berkurang dan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang cara dan kaedah yang boleh dilakukan untuk membantu memelihara dan memulihara kawasan berkenaan untuk generasi yang akan datang.

Selain itu, berdasarkan Jurnal Arkeologi Malaysia yang bertajuk ‘Penemuan Terkini Tapak Prasejarah Di Lembangan Sungai Nenggiri’ yang ditulis oleh Zuliskandar Ramli, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan di Ulu Kelantan

terutamanya di Gua Cha. Segala kajian dan penemuan yang didapati dari kawasan berkenaan mempunyai kaitan dengan masyarakat prasejarah yang terdahulu hasil daripada penemuan artifak tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini ada menyebut tentang pihak yang ingin menguruskan warisan tersebut dengan mewujudkan sebuah galeri untuk menyimpan dan memelihara sebarang hasil penemuan dari tapak arkeologi Gua Cha tersebut. Ini kerana terdapat beberapa ancaman dari segi kerosakan alam semulajadi dan juga kerosakan akibat perbuatan manusia yang membimbangkan sekiranya warisan tersebut tidak dijaga dengan baik secara tidak langsung, salah satu sejarah negara akan hilang pada masa akan datang.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mohd. Kamaruzaman A. Rahman pada tahun 1990 mendapati bahawa terdapat sejumlah 30 buah tapak arkeologi yang didapati di Kelantan. Tapak arkeologi yang ditemui ini terdiri dari beberapa zaman iaitu zaman Mesolitik (Hoabinh), zaman Neolitik, zaman Gangsa, zaman Sung dan zaman Ming. Namun, daripada tapak yang ditemui ini, hanya tiga tapak sahaja yang telah dilakukan penyelidikan carigali. Antara tapak arkeologi yang dicarigali ialah di Gua Cha, di Gua Menteri dan di Gua Musang. Kesemua tapak-tapak ini merupakan antara tapak prasejarah yang mempunyai nilai sejarah tinggi kepada negara dan juga para penyelidik.

Kajian ini ada menyebut tentang lokasi Gua Cha yang terletak di Sungai Nenggiri, Gua Musang, Kelantan. Keluasan tapak kawasan warisan Gua Cha ini adalah lebih kurang 21,600 kaki persegi iaitu dengan ukuran 360 kaki x 600 kaki. Sejak penyelidikan dilakukan di kawasan ini, beberapa tembikar telah ditemui dengan keadaan bentuknya yang masih lengkap. Selain itu, beberapa buah kubur juga turut dijumpai dalam hasil penyelidikan yang telah dilakukan.

Terdapat beberapa parit telah digali sebagai penyelidikan carigali dari tahun 1935 oleh H. D. Noone. Hasil daripada parit galian ini, beberapa lapisan tanah berlainan keadaan. Dalam parit galian pertama, beberapa artifak telah dijumpai sepanjang carigali tersebut. Di lapisan kedua pula dijumpai beberapa artifak dari zaman Neolitik. Para pencari gali ini telah menemui kubur yang mengandungi tulang-tulang manusia yang

patah bersama-sama dengan tembikar bentuk dan hiasan. Antara artifak lain yang dijumpai adalah alat-alat batu seperti gelang tangan, kapak dan pahat, yang mana hasil buatannya begitu halus.

Pada lapisan yang seterusnya, serpihan alat-alat batu dan lebih kurang 20 bilah kapak telah ditemui. Kapak yang ditemui ini lebih kasar buatannya berbanding dengan alat-alat batu yang dijumpai pada lapisan yang lain. Serpihan tembikar juga turut dijumpai pada lapisan ini. Artifak yang ditemui daripada penyelidikan yang telah dilakukan ini telah dianalisa untuk dikaji dan dibandingkan dengan bahagian-bahagian kecil yang terdapat pada pelbagai jenis alat perkakas yang diperbuat daripada batu. Penyelidikan ini juga berusaha untuk mendapatkan kronologi dengan menggunakan kaedah radio karbon. Ini adalah untuk menguatkan lagi hasil penyelidikan yang dilakukan berkaitan dengan hasil carigali di tapak warisan di Gua Cha, Kelantan.

Kajian seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji Nik Hassan Suhaimi adalah perkaitan masyarakat prasejarah dengan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Taburan masyarakat peribumi yang ada di Semenanjung Malaysia mempunyai sejarah yang berkaitan dengan masyarakat prasejarah yang mana terdapatnya masyarakat prasejarah yang menetap pada satu tempat sehingga telah mewujudkan perbezaan bahasa dan budaya yang digunakan sesama mereka. Kawasan yang didiami oleh mereka juga berbeza dengan kegiatan aktiviti harian mereka.

Antara empat kumpulan penduduk asal Semenanjung Malaysia adalah Orang Asli Utara/Negrito (Semang) yang mana menjalani kehidupan dengan cara memungut hasil hutan. Bagi kumpulan Asli Tengah dan Selatan/Senoi pula hidup dengan berpindah randah dan mengamalkan pertanian primatif dan memungut hasil hutan untuk dijual. Orang-orang Malayic/Mongoloid Selatan pula merupakan petani tradisional yang menggunakan tali air untuk bertani dan kebanyakan mereka telah menganut agama Islam. Sejarah pembahagian ini sudah menunjukkan bahawa penduduk asal itu terdiri daripada Orang Melayu dan Orang Asli. Namun begitu, ada di antara mereka yang berpindah masuk dari luar ke semenanjung secara berperingkat.

Perpindahan sejak zaman prasejarah dengan kedatangan masyarakat berbahasa atau berbangsa Austronesia telah membawa pengaruh kebudayaan Neolitik ke semenanjung. Migrasi ini berlaku sejak dari zaman prasejarah, kemudian proto sejarah dan sejarah mengikut gelombang tertentu. Namun begitu, berlaku dua kewujudan bahasa yang berbeza dalam kalangan penduduk asal. Ini kerana migrasi yang berlaku pada zaman prasejarah telah melalui perubahan proses dalaman yang mempunyai kaitan dengan kedatangan pengaruh luar. Oleh itu bahasa Austro-Asiatik lebih sinonim dengan orang-orang Asli manakala dialek bahasa Austronesia lebih dekat dengan orang-orang Melayu. Perubahan bahasa yang berlaku kerana berlakunya interaksi antara masyarakat di rantau Melayu.

Kajian ini menceritakan tentang hasil penemuan beberapa serpihan tembikar di lantai gua di Gua Jaya, Gua Musang, Kelantan. Gua Jaya merupakan salah satu tapak warisan bersejarah yang juga turut mempunyai kisah dan sejarah tertentu yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat prasejarah di kawasan berdekatan. Hasil daripada ekskavasi dan penyelidikan yang telah dilakukan di kawasan ini, terdapat 1500 serpihan tembikar sehingga Peacock pada tahun 1963, merumuskan bahawa tapak tersebut merupakan salah satu kawasan penempatan bagi masyarakat Neolitik. Keadaan ini juga tidak jauh beza dengan tapak warisan arkeologi Gua Cha yang ada di daerah tersebut. Oleh kerana itu, kawasan Gua Jaya dikatakan kawasan yang berpotensi tinggi untuk melakukan penyelidikan dengan lebih lanjut dan mendalam. Antara alatan artifak yang ditemui dalam gua tersebut adalah alat litik iaitu tungku, alat penetak dan alat repeh serta beberapa pecahan tembikar. Manakala, antara jumpaan alatan akofak pula adalah seperti tulang binatang dan siput.

Hasil penyelidikan yang telah dilakukan ini menunjukkan bahawa masyarakat kebudayaan Neolitik pernah menjadikan Gua Jaya sebagai kawasan penghunian untuk berteduh daripada hujan dan berlindung dari ancaman haiwan luas di sekitar kawasan berkenaan. Selain itu, masyarakat pada zaman tersebut mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam menghasilkan tembikar tanah (Zulkifli Jaafar, 2003). Malah, pengkaji lain yang menjalankan penyelidikan ini juga turut menyatakan hal yang sama. Hasil tinjauan Adi Haji Taha telah menunjukkan bahawa Gua Jaya merupakan

kawasan yang berpotensi tinggi yang mana masyarakat Neopolitik dikatakan pernah menghuni kawasan berkenaan. Setelah beberapa penyelidikan yang dilakukan, keadaan ini telah menarik minat lebih ramai para penyelidik untuk terus melakukan kajian di kawasan Gua Jaya tersebut bagi menerokai lebih banyak penemuan menarik.

Kajian literatur yang ada telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat mengikut kaedah yang betul dan teratur. Tidak dinafikan, kewujudan kajian dan penyelidikan lepas dapat membantu penyelidik yang ingin membuat rujukan dan kajian dapat dijalankan dengan lebih meluas. Ini kerana kajian yang dijalankan ada kemungkinan akan ada kekeliruan dalam mendapatkan maklumat. Setiap kajian yang dijalankan juga dapat melengkapi dan memperbaiki mana-mana kekurangan yang ada pada kajian lepas sama ada dari segi hasil kajian yang diperolehi ataupun cara kajian itu dilakukan. Cara untuk mendapatkan hasil data kajian juga memainkan peranan yang penting yang mana kelemahan dan kekurangan yang berlaku pada kajian lepas dapat diatasi dengan kajian semasa. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan lebih meluas.

2.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian literatur amat membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian yang dilakukan. Kajian literatur yang sedia ada memberi panduan yang baik kepada pengkaji untuk dijadikan sebagai rujukan dalam menjalankan kajian dengan teratur dan tepat mengikut maklumat yang ada. Dengan ini, pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan ini juga dapat memberi manfaat kepada para pengkaji yang ingin menjadikan kajian ini sebagai salah satu sumber rujukan dan panduan kepada kajian yang akan datang.

Dalam bab ini juga terdapat ringkasan berkenaan kajian terdahulu yang dilakukan oleh pengkaji yang telah menjalankan kajian secara mendalam. Dalam kajian ini, pengkaji menerangkan secara ringkas hasil dari kajian lepas untuk membantu menambahkan maklumat dan untuk meneliti dengan lebih baik pada bahagian yang

perlu ditambah dan dibaiki. Selain itu, ini adalah untuk mengelakkan salah faham atau maklumat yang tidak tepat dalam kajian yang sedang dilakukan ini.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah dan cara kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat kajian. Metodologi kajian merupakan proses kajian yang dilakukan secara teratur dan tersusun dalam mendapatkan data dan maklumat tertentu. Terdapat beberapa kaedah kajian yang akan dilakukan dalam menjalankan kajian ini demi mencapai objektif kajian.

Kaedah dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang hendak dicapai. Antara beberapa kaedah dan cara kajian yang digunakan adalah teknik pemerhatian ke kawasan kajian, keadaan borang selidik dan penggunaan rujukan dari sumber Pustaka, sumber internet, buku, journal, akhbar dan lain-lain lagi.

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk temubual dengan melibatkan beberapa pihak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Temubual akan

dilakukan oleh pengkaji terhadap beberapa pihak seperti pihak berkuasa yang menguruskan kawasan tapak arkeologi dan juga pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam menguruskan kawasan tapak arkeologi ini. Ini juga melibatkan masyarakat setempat yang berada di kawasan sekitar Gua Cha. Soalan temubual disediakan sebelum sesi temubual dilakukan bagi memastikan maklumat yang diperolehi dalam kadar maksimum. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dalam mengumpulkan data-data yang dikaji mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil jawapan responden kajian ini akan di analisis dalam bentuk angka dan meneliti kadar dapatan yang diperolehi.

Dari segi kaedah penyelidikan soal selidik pula yang mana pengkaji menyediakan borang soal selidik yang mengandungi soalan yang berkaitan dengan objektif kajian akan dilakukan. Soalan yang disediakan adalah tentang pengetahuan orang awam berkaitan dengan Gua Cha dan untuk menilai sejauhmana pengetahuan mereka dalam mengambil tahu akan Gua Cha ini. Borang selidik ini mengambil kira minimum 20 responden yang mengunjungi atau penduduk sekitar Gua Cha tanpa mengira bangsa, umur, jantina dan latar belakang seseorang individu tersebut. Borang soal selidik yang dihasilkan akan diisi sama ada secara bercetak mahupun dalam talian kerana penggunaan teknologi semasa memudahkan urusan pada masa kini dan tidak mengehadkan hasil dapatan kajian yang dilakukan.

Tujuan rekabentuk yang dilakukan dalam kajian adalah untuk mengkaji pandangan masyarakat awam dalam membantu pihak berkuasa memelihara dan memulihara semula kawasan tapak arkeologi bersejarah Gua Cha. Pandangan dan cadangan orang awam penting untuk melihat dari segi aspek yang berbeza dalam membantu membangunkan semula tapak berkenaan sebagai salah satu daya tarikan Malaysia kepada masyarakat luar dan juga masyarakat tempatan. Ini secara tidak langsung dapat menaikkan semula tarikan kawasan tapak arkeologi Gua Cha dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada kawasan setempat, ekonomi semasa dan menyumbang lebih banyak kajian ilmiah yang berkualiti kepada orang ramai.

Rekabentuk kajian yang dilakukan adalah berpandukan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Cara untuk mendapatkan dan menganalisis data yang diperolehi juga penting sebagai bukti kepada kajian yang dilakukan. Antara objektif kajian yang menjadi fokus kepada kajian ini ialah mengenalpasti sejarah dan perkembangan Gua Cha, mengkaji perkaitan kawasan tersebut sehingga diangkat menjadi tapak warisan dan membincangkan kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara kawasan berkenaan.

3.2 KAEDAH KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah kajian yang akan dilakukan bagi mendapatkan maklumat atau data dalam kajian yang dilakukan ini. Pendekatan pertama yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kaedah yang berbeza ini dilakukan dengan menumpukan pada objektif tersebut dalam mendapatkan data dengan cara yang berbeza. Sebagai contoh, data primer melibatkan kaedah temubual dan soal selidik yang melibatkan beberapa pihak dan orang awam dalam menjalankan kajian ini. Data sekunder pula melibatkan kajian keperpustakaan dan sumber yang diperolehi daripada internet. Kaedah ini lebih tertumpu kepada hasil carian dan penyelidikan yang sedia ada sama ada secara bercetak mahupun dalam talian.

3.2.1 Data Primer

i) Kajian Lapangan

Kaedah kajian yang kebiasaannya dilakukan oleh pengkaji adalah turun melawat kawasan yang dipilih dalam kajian yang akan dilakukan kelak. Kajian lapangan ini dapat memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat kajian secara terus dan lebih tepat mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini melibatkan kawasan kajian di Gua Cha, Kelantan dan melibatkan pembangunan kawasan tersebut sebagai salah satu tarikan budaya yang utama di Malaysia dan juga sebagai tapak penyelidikan bagi golongan pengkaji dan pendidik dari dalam maupun luar negara.

ii) Soal Selidik

Kaedah yang seterusnya adalah kaedah soal selidik yang melibatkan kumpulan tertentu. Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji meliputi objektif kajian yang telah tetapkan. Borang soal selidik yang disediakan berbeza mengikut objektif dan kumpulan responden. Hasil dapatan daripada borang soal selidik ini akan direkodkan dengan menganalisis data yang diperoleh menerusi kajian ini. Setelah itu, maklumat akan dimasukkan ke dalam kajian bagi melengkapkan objektif kajian.

3.3 DATA SEKUNDER

Sehubungan dengan kajian yang dilakukan, pengkaji juga turut memilih data sekunder dalam mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data sekunder adalah kaedah mendapatkan data berdasarkan bahan-bahan ilmiah yang diperolehi daripada beberapa sumber dan dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam kajian yang dilakukan ini. Bahan-bahan ilmiah ini juga dipilih berdasarkan kepada objektif kajian yang dijalankan.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Perpustakaan juga menjadi salah satu sumber rujukan pengkaji dalam mendapatkan lebih banyak maklumat yang melibatkan kajian yang dilakukan ini. Kaedah ini dilakukan untuk membantu dalam mengetahui istilah-istilah tertentu yang jarang digunakan untuk memastikan data yang sedia ada tepat dan benar. Antara tempat yang telah dilawati oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan rujukan berkaitan dengan kajian ini adalah Perpustakaan Awam Gua Musang dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Pengkaji juga turut membuat rujukan kajian kepada sumber lain selain daripada buku ilmiah seperti akhbar, laman sesawang atas talian, kajian lepas

yang dilakukan oleh pelajar lain dan juga daripada penulisan pengkaji bebas yang pernah dihasilkan sebelum ini.

3.3.2 Sumber internet

Selain rujukan yang dilakukan berdasarkan sumber bahan ilmiah, pengkaji juga menggunakan sumber rujukan dalam internet bagi mendapatkan lebih banyak maklumat. Sumber rujukan yang digunakan ini dapat membantu pengkaji untuk melengkapkan kajian dengan baik. Kesemua sumber rujukan dan data yang didapati daripada kaedah ini akan dianalisis dan dimasukkan ke dalam laporan kajian kelak.

3.4 PERSAMPELAN

Persampelan didefinisikan sebagai proses memilih sekumpulan responden tertentu untuk mendapatkan maklumat kajian. Tujuannya adalah untuk memastikan maklumat dan dapatan kajian diperoleh dengan teratur dan menyeluruh. Ini kerana setiap kajian yang dilakukan itu berbeza mengikut kumpulan tertentu. Seperti contoh, sesi menyerahkan borang soal selidik kepada orang awam lebih tertentu kepada masyarakat awam sama ada yang berada di sekitar kawasan berdekatan atau orang awam yang terlibat secara tidak langsung dalam talian. Oleh itu, kajian yang baik adalah maklumat yang diperoleh mengikut skop kajian yang dijalankan berkaitan dengan responden tertentu.

3.5 ANALISIS DATA

Terdapat beberapa kaedah analisis data yang akan dilakukan oleh pengkaji dalam menganalisis data yang diperolehi sepanjang kajian dilakukan. Pengkaji akan menganalisis data dengan kaedah yang berbeza. Pengkaji akan membuat transkripsi data hasil rakaman suara dan rakaman video yang telah direkodkan dan dicatatkan

dalam bentuk penulisan yang lebih teratur. Selepas transkripsi, pembacaan semula hasil tersebut dilakukan bagi mengasingkan jawapan yang diberikan untuk kategori objektif yang berbeza. Tujuan kaedah ini dilakukan untuk memudahkan urusan kajian dihuraikan dalam kajian agar tidak berlaku kesalahan dapatan data dan menimbulkan salah faham dalam kajian dan juga orang yang akan menjadikan hasil kajian ini sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah alatan yang digunakan oleh pengkaji semasa melakukan kajian terutamanya dalam mendapatkan dan mengumpul data kajian. Instrumen yang digunakan ini dapat membantu merekodkan dapatan kajian dengan teratur dan selamat dari segi kesahihan maklumat. Terdapat beberapa alatan yang digunakan dalam memudahkan urusan kerja lapangan, soal selidik dan sebagainya sepanjang kajian dilakukan. Selain itu, pengkaji turut menggunakan alatan ini untuk merekodkan data dengan lebih tepat dan mudah untuk dirujuk ketika analisis data dilakukan selepas maklumat dikumpulkan. Antara instrumen yang digunakan dalam kajian ialah seperti berikut:

3.6.1 Kamera

Pengkaji menggunakan kamera digital bagi mengambil gambar di kawasan kajian dan juga mengambil gambar maklumat penting terutamanya yang berkaitan dengan objektif kajian. Kamera digital ini juga digunakan untuk merakam dan merekod maklumat yang diperolehi semasa sesi temubual dilakukan bersama responden di tempat lapangan kajian. Hal ini dapat memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan juga sebagai bukti kajian ini telah dilaksanakan. Melalui rakaman ini juga, kajian ini boleh dijadikan sebagai kajian dokumentasi.

3.6.2 Telefon Pintar

Untuk temubual secara tidak rasmi bersama beberapa responden, pengkaji akan menggunakan telefon bimbit dalam mendapatkan dan merekodkan maklumat kajian ini. Telefon bimbit digunakan untuk menghubungi pihak-pihak tertentu yang akan ditemubual sebelum lawatan rasmi dilakukan. Melalui telefon bimbit juga boleh dilakukan temuramah secara tidak langsung dalam mendapatkan maklumat. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa isu yang berlaku diantara pengkaji dan responden tersebut seperti responden yang sibuk dan tidak sempat bertemu secara rasmi dengan pengkaji.

3.6.3 Buku Catatan

Buku catatan merupakan instrumen yang paling penting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Segala maklumat yang diperolehi akan direkodkan dalam bentuk tulisan yang difahami oleh pengkaji. Jawapan temubual juga turut direkodkan dalam buku catatan walaupun telah direkodkan dengan instrumen lain seperti kamera digital. Ini adalah sebagai salah satu bukti kajian ini dilakukan dengan berintegriti dan jujur serta catatan tersebut diharapkan dapat membantu dalam mengelakkan sebarang maklumat data tercicir semasa proses penyelidikan kajian dilakukan kelak.

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini membantu mendapatkan hasil maklumat dengan baik. Kaedah kajian yang digunakan seperti pemerhatian ke kawasan tapak warisan membolehkan pengkaji melihat kawasan tersebut dengan lebih dekat. Pemerhatian pengkaji juga menjadi sumber kajian ini dilakukan dan pengkaji dapat melihat keadaan semasa tapak warisan tersebut dan secara tidak langsung dapat membantu memberi cadangan pada akhir kajian ini.

Selain itu, kajian ini dilakukan menggunakan borang soal selidik yang disebarluaskan kepada masyarakat sekitar kawasan berkenaan untuk membantu mendapatkan maklumat kajian ini. Borang soal selidik disediakan terlebih dahulu dimana borang tersebut mengandungi soalan yang menepati objektif kajian ini. Seterusnya borang soal selidik ini diberikan kepada beberapa responden untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Malah, kaedah ke Pustaka, penggunaan internet dan beberapa sumber lain juga digunakan dalam mendapatkan maklumat dengan lebih banyak. Kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dengan lebih banyak dan secara tidak langsung membantu kajian ini dilakukan dengan lancar. Sumber rujukan ini tidak terhad kepada satu sumber sahaja, terdapat juga rujukan akhbar, jurnal dan juga rujukan dari kajian lepas oleh penyelidik terdahulu.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN


Bab ini merupakan bahagian yang berkaitan dengan maklumat dan hasil kajian yang didapati daripada kajian yang dilakukan. Hasil kajian dan maklumat yang didapati adalah mengikut objektif kajian yang ditetapkan dan juga tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Bab ini sangat penting kerana ia adalah bahagian kajian yang menjawab kepada persoalan dan pemasalahan kajian yang didapati daripada kajian lepas. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu pertama, pengkaji mengumpulkan maklumat berkaitan sejarah dan perkembangan yang berlaku di Gua Cha, Kelantan. Kedua ialah mengenalpasti perkaitan kawasan kajian Gua Cha sehingga diangkat menjadi salah satu tapak warisan di Malaysia. dan objektif yang terakhir adalah mengetahui kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk memelihara dan memulihara tapak warisan Gua Cha untuk masa yang akan datang.

Melalui kaedah kajian ini, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan berdasarkan objektif tersebut. Ini menjadikan tapak warisan Gua Cha itu sangat penting untuk dipelihara dan dipulihara dengan baik supaya para penyelidik dan para pelancong dapat berkunjung ke kawasan berkenaan tanpa sebarang masalah. Selain itu, Gua Cha juga boleh dijadikan kawasan pelancongan yang baik sekiranya kawasan tersebut dijaga dan dipromosikan sebagai ekopelancongan

yang mendatangkan manfaat dari segi ekonomi kepada negara maupun masyarakat setempat.

4.1.1 Sejarah Awal Gua Cha, Kelantan

Gua Cha terletak di Sungai Nenggiri di Gua Musang iaitu salah satu negeri yang berada di Malaysia iaitu Negeri Kelantan. Negeri Kelantan terletak di kawasan sebelah pantai timur Malaysia yang terdiri daripada dua buah negeri lagi iaitu Pahang dan Terengganu. Gua Cha ini dilaporkan telah ditemui sekitar tahun 1936 oleh H.D Noone yang mana kajian terperinci dilakukan di tapak arkeologi yang ditemui itu pada tahun 1954 oleh Gale G. Sieveking. Pada tahun 1979 dan 1985, kajian yang selanjutnya diteruskan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan kajian tersebut diketuai oleh Dr. Adi Taha. Gua Cha berada pada kedudukan 16 kilometer ke hilir Kampung Kuala Betis iaitu di tebing kiri Sungai Nenggiri di Ulu Kelantan. Gua ini direkodkan mempunyai keluasan lantai yang hampir 300meter persegi.



Peta 2: Lokasi Gua Cha di Gua Musang, Kelantan.

(Sumber: Internet, tahun 2020)

4.1 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN GUA CHA

Gua Cha adalah salah satu tapak kajian arkeologi yang terkenal di Malaysia dan juga antara tapak kajian warisan yang terkenal dalam kalangan pengkaji tempatan dan juga pengkaji antarabangsa. Terdapat pelbagai aktiviti kajian dan penyelidikan aktif yang telah dilakukan di tapak warisan Gua Cha tersebut. Antara kajian yang dilakukan telah membuktikan bahawa kawasan tapak arkeologi Gua Cha tersebut pernah dihuni oleh manusia sekurang-kurangnya sekitar 10,000 tahun yang lepas. Kajian daripada Dr. Adi Taha pada tahun 1979 telah menyatakan bahawa tinggalan yang dijumpai di tapak arkeologi tersebut merupakan tinggalan masyarakat Orang Asli. Orang Asli yang dinyatakan juga dikenali sebagai Melayu Proto dan bukan masyarakat Melayu Duetro.




Gambar 1: Lokasi Gua Cha Di Kelantan

(Sumber: Internet Pada Tahun 2020)

Kerja cari gali pertama yang dilakukan di Gua Cha tersebut adalah pada tahun 1935 oleh H.D.Noone. Pada mulanya, Noone dikatakan hanya menjalankan kerja bancian penduduk Kelantan di kawasan Kuala Betis. Namun beliau telah dibawa ke Gua Cha yang pada ketika itu hanya didiami oleh masyarakat Orang Asli. Pada ketika itu, Noone secara tidak langsung telah menjalankan kajian secara ringkas dan melaporkan kajian ringkas tersebut kepada pejabat Penasihat Kelantan. Selepas daripada penemuan itu, kajian dan cari gali arkeologi telah dilakukan di kawasan pedalaman Kelantan

terutamanya di kawasan Gua Nenek, Gua Musang, Gua Madu, dan Gua Menteri. Pada tahun 1954 iaitu selepas tamatnya Perang Dunia, G.D. Sievenking yang telah dilantik sebagai Curator Federated Malay States Museum telah membentuk satu pasukan arkeologi dan menjalankan ekspedisi ke Gua Cha sekali lagi. Hasil daripada ekspedisi tersebut, sebanyak 30 rangka manusia telah ditemui dari zaman Neolitik dan juga Hoabinh.



Gambar 2: Penemuan Pada Tahun 1954 Oleh Pasukan Arkeologi G.D.Sievenking

(Sumber: Internet Pada Tahun 1954)

Terdapat pelbagai penemuan menarik yang dijumpai sepanjang kajian dan penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi Gua Cha tersebut. Selain daripada rangka manusia terdahulu, terdapat juga barang artifak, barang berbentuk tembikar dan seramik serta perkakas memburu yang digunakan oleh masyarakat terdahulu dalam kehidupan seharian mereka. Secara tidak langsung ini membuktikan bahawa Gua Cha sememangnya telah didiami oleh manusia sejak beribu tahun yang dahulu. Penemuan tembikar dan seramik menunjukkan masyarakat terdahulu telah menemui kemajuan dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka pada ketika itu.



Gambar 3: Penemuan Rangka Hoabinh di Gua Cha pada Tahun 1954

Sumber: Internet Pada Tahun 1954

Penemuan artifak dan rangka manusia Hoabinh tersebut sangat penting dan bermakna kepada masyarakat setempat. Hasil daripada penemuan tersebut, sebanyak 30 rangka, jumpaan tembikar dan seramik telah dihantar ke Muzium Perak untuk disimpan dan kajian seterusnya dijalankan. Penemuan tersebut telah dihantar ke Muzium Perak dengan menggunakan helikopter tentera kerana kawasan Gua Cha merupakan kawasan yang berbahaya. Ini kerana pada ketika itu, kawasan sekitar tersebut merupakan kawasan aktiviti pengganas komunis. Malah, kumpulan ekspedisi tersebut juga dikatakan diiringi oleh sepasukan pasukan tentera bersenjata untuk melindungi diri mereka daripada ancaman pengganas komunis.



Gambar 4: Penemuan di Gua Cha

Sumber: Internet Pada Tahun 2018

4.1.2 Perkembangan Gua Cha, Kelantan

Hasil penemuan 30 rangka manusia yang dianggap paling penting itu telah dibawa pulang ke England oleh Sievenking kerana beliau yang menemukan barang tersebut dan ingin melanjutkan kajiannya di sana. Hasil penemuan ditempatkan di University of Cambridge dan dijaga oleh MacDonald Institute of Archeology. Walaupun begitu, Pesuruhjaya Warisan Malaysia iaitu Datin Paduka Dato' Professor Emeritus Siti Zuraina Abdul Majid telah berusaha untuk membawa pulang rangka-rangka tersebut ke Malaysia. Beliau kemudiannya telah memulakan usaha membawa pulang rangka tersebut ketika beliau masih berkhidmat di Universiti Sains Malaysia. Pada tahun 2008, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ketika itu iaitu Datuk Seri Rais Yatim telah berhubung dengan pihak University of Cambridge untuk berbincang mengenai isu pemulangan rangka-rangka tersebut. Namun, usaha beliau mengenai isu ini tidak disiarkan kepada orang awam dan menyebabkan isu itu tidak dapat dikenalpasti maklumatnya yang terkini.

Terdapat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak tertentu dalam memastikan kawasan tersebut dipelihara dan dipromosikan sebagai salah satu kawasan

pelancongan. Namun, melihat kepada keadaan Gua Cha tersebut, orang awam menganggap usaha untuk membangunkan semula kawasan berkenaan dianggap tidak kurang berjaya. Isu berkaitan dengan Gua Cha dipandang sepi dan menyebabkan kawasan ini kini tidak terkenal sepertimana pada satu masa dahulu. Gua Cha hanya menjadi lokasi pra sejarah yang terkenal dalam buku teks dan dalam pengetahuan secara am oleh orang ramai tetapi tidak ramai yang pernah berkunjung ke tempat berkenaan secara fizikal. Di Kelantan, terdapat juga gua-gua lain yang menarik untuk diterokai namun tidak diberi perhatian dan tidak diuruskan dengan baik oleh pihak kerajaan Negeri Kelantan dan juga orang yang bertanggungjawab menguruskan kawasan berkenaan. Antaranya ialah Gua Madu yang terletak hanya 37KM dari kawasan tapak arkeologi Gua Cha tersebut.

Namun kajian ilmiah dan penyelidikan serta aktiviti mencari gali di Gua Cha sudah lama tidak dijalankan. Kali terakhir aktiviti sebegini berlaku di Gua Cha ialah sekitar tahun 1979. Ini kerana dikatakan dasar perubahan kerajaan pada ketika itu menyebabkan para pengkaji arkeologi tidak lagi berminat untuk melakukan kajian di kawasan berkenaan. Perubahan lokasi gua juga secara tidak langsung menyebabkan kawasan berkenaan menjadi tercemar akibat aktiviti cari gali yang dibuat secara besar-besaran pada tahun 1954 dan 1979. Seterusnya pihak Universiti Malaysia Kelantan telah menjadikan kawasan berkenaan sebagai salah satu tempat kajian ilmiah dan pencinta alam bagi para penuntutnya untuk berkunjung sekali sekala. Sejak dari tahun 2009 sehingga ke tahun 2011, Gua Cha telah diselia oleh Dato Haji Adi Taha yang ketika itu berkhidmat dengan Jabatan Pengajian Warisan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan terus dipantau oleh pihak UMK dalam memastikan kawasan tapak arkeologi tersebut kekal dalam keadaan baik.

4.1.3 Pengetahuan Masyarakat Berkenaan Tapak Warisan Gua Cha

Pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal selidik yang melibatkan 20 orang responden yang terdiri daripada masyarakat sekitar kawasan kajian iaitu di Gua Cha, Kelantan. Hasil dari dapatan kajian borang selidik, didapati responden kepada hasil

kajian ini terdiri daripada 15 orang (75%) yang berumur sekitar 20-30 tahun, 5 orang (25%) yang berumur sekitar 31-40 tahun. Jantina bagi responden perempuan adalah sebanyak 14 orang (70%) manakala 6 orang (30%) adalah daripada jantina lelaki. Kesemua responden ini terdiri daripada bangsa Melayu sahaja kerana majoriti responder adalah dari kalangan masyarakat Melayu. Dari segi pekerjaan responden, 14 orang (70%) merupakan pelajar, 3 orang (15%) terdiri daripada yang bekerja sendiri dan yang memilih ruangan pekerjaan lain-lain terdiri dari 3 orang (15%).

Hasil daripada kajian melalui borang selidik ini, seramai 15 orang (75%) responden mengakui bahawa mereka mengetahui akan sejarah dan perkembangan yang berlaku di Gua Cha. Mereka ini memilih ruangan bersetuju pada borang berkenaan iaitu berada pada skala keempat. Responden yang sangat tidak bersetuju yang merupakan langsung tidak mengetahui akan sejarah dan perkembangan tapak warisan tersebut adalah sebanyak 3 orang (15%) manakala bagi responden yang memilih ruangan bersetuju yang memberikan maksud mereka mengetahui sedikit sebanyak mengenai sejarah dan perkembangan Gua Cha adalah seorang (5%). Bagi responden yang tidak pasti akan pengetahuan mereka terhadap isu yang berkaitan ini adalah seorang (5%)/ Data daripada hasil kajian ini menunjukkan majoriti mengetahui akan sejarah dan perkembangan yang ada di Gua Cha. Sebahagian daripada mereka masih mempunyai kesedaran untuk mengambil tahu akan perkembangan semasa berkaitan dengan Gua Cha.

Sebanyak 9 orang (45%) responden bersetuju bahawa mereka ini mengetahui akan kajian yang dilakukan di Gua Cha, Kelantan manakala 4 orang (19%) lagi tidak pasti apakah kajian yang telah dilakukan di kawasan berkenaan dan maklumat yang berkaitan dengan kajian di kawasan tersebut. 3 orang (15%) responden tidak setuju mengenai pengetahuan mereka berkaitan sejarah dan perkembangan kawasan tapak berkenaan. 2 orang (10%) dari responden berkenaan sangat bersetuju dan lagi 2 orang (10%) sangat tidak bersetuju dalam mengetahui sejarah dan perkembangan yang berlaku di Gua Cha.

Soalan yang seterusnya dinyatakan dalam borang soal selidik ialah berkaitan dengan pengetahuan responden terhadap barang dan artifak yang dijumpai sepanjang kajian dilakukan di Gua Cha. Hasil daripada soal selidik tersebut, sebanyak 7 orang (35%) responden yang bersetuju bahawa mereka mengetahui akan barang dan artifak yang dijumpai sepanjang kajian dilakukan di Gua Cha. Sebanyak 3 orang (15%) responden tidak pasti dengan isu dan maklumat berkenaan. Responden yang tidak bersetuju dan tidak bersetuju masing-masing mempunyai peratus sebanyak 4 orang (20%) berkaitan dengan isu ini. selebihnya yang sangat tidak bersetuju adalah 2 orang (10%). Ini menunjukkan bahawa walaupun penduduk setempat mengambil tahu akan kajian yang dilakukan di kawasan tersebut, mereka tidak tahu akan hasil penemuan dari kajian dan penyelidikan yang telah berlaku. Mereka hanya akan mengetahui isu tersebut jika ia disiarkan di internet yang mana perkara itu sudah tular dan ramai orang bercakap tentang perkara berkenaan.

Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kepada isu pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Gua Cha, Kelantan. Sebanyak 10 orang (50%) responden tidak pasti dengan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di kawasan tersebut, manakala hanya 3 orang (15%) dari responden tersebut mengambil tahu dan cakna akan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan. 3 orang (15%) juga bersetuju dan tahu akan kejadian yang berlaku walaupun tidak mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di kawasan berkenaan. Responden yang selebihnya 4 orang (20%) mengakui tidak tahu akan perkara dan kerja pemeliharaan dan pemuliharaan yang berlaku di tapak warisan Gua Cha tersebut.

Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan masyarakat setempat terhadap isu dan kejadian semasa yang berlaku di Gua Cha adalah sangat membimbangkan. Hal ini kerana masih ramai yang tidak ambil peduli dengan keadaan semasa tapak warisan tersebut. Perkara ini sememangnya menjadi kerisauan pada masa kini kerana sekiranya tiada orang yang peduli dengan tapak warisan tersebut, dikhuatiri lama-kelamaan akan diabaikan sepenuhnya dan ini akan menyebabkan tapak warisan

yang menjadi salah satu kebanggaan masyarakat setempat dan negara terus dilupakan oleh orang ramai. Generasi muda sudah semestinya tidak akan dapat mengenali sejarah dan tapak warisan ini secara fizikal sekiranya Gua Cha tidak diuruskan dengan baik.

4.2 PERKAITAN KAWASAN TERSEBUT SEHINGGA DIANGKAT MENJADI TAPAK WARISAN

4.2.1 Sebagai Tempat Penyelidikan

Gua Cha adalah satu nama gua dan tapak warisan arkeologi yang terkenal dalam kalangan pelajar warisan, pengkaji, penyelidik dan juga pelancong sama ada dari luar negara mahupun masyarakat setempat. Ia menjadi salah satu aset dan kebanggaan kepada negara kerana Gua Cha mempunyai nilai sejarah tersendiri yang menjadi tumpuan para pelancong dan para penyelidik dari serata dunia. Gua Cha ini terletak di Negeri Kelantan yang juga merupakan negeri yang penuh dengan budaya warisan yang menarik untuk diterokai dan dilawati. Tapak warisan arkeologi ini terletak di Sungai Nenggiri dan berdekatan dengan penempatan masyarakat setempat.



Gambar 5: Tapak Bersejarah Gua Cha, Kelantan

(Sumber: Internet Pada Tahun 2009)

Kajian dan penyelidikan yang dilakukan di tapak arkeologi telah berkenaan menunjukkan bahawa Gua Cha telah menjadi tempat penempatan masyarakat terdahulu selama beribu tahun lamanya. Penemuan artifak dan rangka di kawasan berkenaan telah membuktikan bahawa banyak lagi perkara yang perlu diterokai. Nilai sejarah yang terkandung di kawasan tersebut menjadikannya sebagai salah satu tapak kajian yang bernilai tinggi dan ini telah menarik minat para penyelidik luar negara khasnya untuk melakukan kajian di Gua Cha. Kajian dan hasil penyelidikan yang dilakukan telah menunjukkan hasil penemuan yang menarik yang mana para penyelidik ini telah menjumpai rangka, tembikar dan barang artifak yang lain.

Penemuan rangka dan barang artifak menyebabkan Gua Cha diangkat sebagai salah satu tapak warisan negara dan juga dunia. Ini kerana sejarah yang terkandung di tapak warisan tersebut mempunyai kaitan dengan sejarah dunia dan sejarah tamadun masyarakat yang terdahulu. Oleh itu, tapak warisan ini dianggap penting kerana peluang untuk mengkaji dan menjumpai lebih banyak penemuan menarik adalah sangat tinggi. Tapak warisan tersebut telah dihuni oleh masyarakat terdahulu sekitar ribuan tahun yang lalu dan kemungkinan tinggi semua tinggalan dan rangka masih tertanam jauh ke

dalam tanah dan serata tempat di kawasan tersebut. Oleh itu, kajian dan penyelidikan harus diteruskan sepanjang masa untuk memastikan penemuan itu dapat mendatangkan hasil yang memuaskan.

4.2.2 Gua Cha Sebagai Salah Satu Tempat Pelancongan

Selain daripada menjadi tapak warisan yang mempunyai nilai sejarah, Gua Cha juga merupakan salah satu tempat pelancongan yang terkenal. Gua Cha mempunyai pemandangan alam sekitar yang menarik dan unik untuk dikunjungi samada pelancong tempatan mahupun pelancong daripada luar negara. Kawasan ini sesuai untuk aktiviti lasak dan aktiviti ekspedisi yang berminat untuk menerokai kawasan dan alam semulajadi di sekitar Gua Cha. Para pelancong yang datang untuk melakukan aktiviti-

aktiviti seperti ini kebanyakannya adalah daripada golongan muda dan golongan pelajar yang datang untuk beriadah. Mereka menggunakan kesempatan ini untuk beriadah sambil menerokai kawasan sekitar Gua Cha dan belajar secara tidak langsung tentang mengenai Gua Cha ini.



Gambar 6: Lokasi Sekitar Gua Cha, Kelantan

(Sumber: Internet Pada Tahun 2016)

Bentuk dan keadaan sekitar Gua Cha menjadikan kawasan tersebut sebagai lokasi yang sesuai untuk mempelajari akan alam semulajadi dan dalam masa yang sama mempelajari akan sejarah yang ada di kawasan tersebut. Aktiviti lasak dan aktiviti ekspedisi juga mengajar para pengunjung untuk melatih diri dalam menyesuaikan diri di kawasan yang sebegini. Ia juga dapat melatih para pengunjung untuk menggunakan kemahiran yang diperlukan untuk terus hidup (survival). Pengunjung boleh menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan kawasan sekitar samada tumbuhan ini boleh dimakan atau tidak, memerhati corak yang ada pada tanah untuk mengelakkan diri daripada haiwan liar dan menggunakan alam semulajadi untuk membantu diri sendiri.

Gua Cha juga turut menarik minat pelancong luar negara untuk datang beriadah di kawasan tapak warisan tersebut seperti riadah dan aktiviti lasak. Mereka ini juga berkunjung ke Gua Cha untuk menikmati alam sekitar di kawasan berkenaan dan dalam masa yang sama mereka belajar dan menambah pengetahuan mereka terhadap sejarah yang ada di Gua Cha.



Gambar 7: Tapak Bersejarah Gua Cha, Kelantan

(Sumber: Internet Pada Tahun 2020)

4.3 KADEAH YANG BERSESUAIAN UNTUK MEMELIHARA DAN MEMULIHARA KAWASAN BERKENAAN

4.3.1 Aktiviti dan Pameran

Aktiviti pameran yang melibatkan masyarakat setempat dan pihak berkuasa dilakukan dalam usaha memeliha dan memulihara tapak warisan Gua Cha ini. Pihak berkuasa mempunyai pengaruh dalam mengadakan pameran dan aktiviti yang mampu menarik masyarakat awam untuk bersama-sama memeliha dan memulihara tapak warisan Gua Cha. Antara perkara yang dilakukan adalah pameran mengenai Gua Cha di kawasan sekitar berkenaan yang menumpukan masyarakat setempat. Dalam masa yang sama, kemudahan teknologi semasa dan kelebihan penggunaan media sosial juga digunakan untuk menyebarkan pameran berkaitan dengan Gua Cha ini. Penglibatan masyarakat

luar berkaitan dengan tapak warisan Gua Cha juga diperlukan untuk terus memelihara dan memulihara tapak warisan ini.

Kelebihan teknologi yang ada pada masa kini dimanfaatkan dengan sebaiknya kerana capaian dan hebahan ilmu melalui teknologi lebih pantas dan meluas tanpa had. Malah, keadaan ini akan menarik minat dan perhatian generasi muda untuk belajar dan mengambil tahu kepentingan yang terdapat di Gua Cha. Justeru dapat menggunakan kelebihan generasi muda ini untuk memelihara dan memulihara tapak warisan untuk masa yang akan datang.

4.3.2 Lawatan Institusi Pendidikan ke Tapak Warisan

Terdapat beberapa buah institusi pendidikan yang mengambil pendekatan dengan mengadakan lawatan sambil belajar untuk para pelajar dalam mendalami sejarah dan kepentingan yang ada di Gua Cha. Usaha ini sangat dipuji dan menunjukkan pendedahan awal terhadap pelajar dapat menarik minat mereka untuk meneroka sejarah dengan lebih meluas. Ini kerana pembelajaran mereka tidak terhad kepada bahan bacaan dan teks sahaja kerana mereka dapat meneroka dan menikmati sendiri pengalaman melawat ke suatu tempat bersejarah.

Terdapat lawatan dari pihak sekolah rendah, sekolah menengah dan tidak terkecuali juga lawatan dari pihak university. Ini menunjukkan pendedahan pelajar ke tempat bersejarah tidak terhad kepada satu institusi pendidikan sahaja. Lawatan dalam kalangan pelajar sekolah rendah dapat menarik minat mereka berkaitan tapak warisan dan sejarah pada masa akan datang. Manakala, lawatan para pelajar dari pengajian tinggi dapat mendedahkan pengetahuan dan pengalaman mereka dengan lebih meluas berkaitan tapak warisan sama ada mereka dari bidang berkenaan atau tidak. Generasi muda harus didedahkan dengan lebih meluas dalam sejarah dan warisan negara kerana mereka ini yang akan meneruskan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara pada masa akan datang.

4.3 KESIMPULAN

Gua Cha merupakan salah satu warisan tapak arkeologi yang bukan sahaja mempunyai kepentingan kepada masyarakat setempat tetapi juga mempunyai manfaat kepada negara. Gua Cha mampu menjadi daya tarikan pelancong yang terkenal sekiranya diuruskan dan dipromosikan dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap kawasan berkenaan. Kelebihan dan keunikan yang terdapat pada tapak warisan Gua Cha dapat membantu menaikkan ekonomi negara dengan baik sekiranya kawasan tersebut dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Kerjasama daripada pelbagai pihak amat diperlukan dan penting dalam merealisasikan usaha mempromosikan dan memastabatkan warisan tapak arkeologi ini dan memastikan Gua Cha terus terpelihara dengan baik. Setiap kejadian yang berlaku di kawasan berkenaan serta aktiviti yang dijalankan dalam usaha untuk memelihara dan memulihara kawasan berkenaan harus diambil tahu oleh masyarakat dan juga orang ramai. Antara contoh aktiviti pemeliharaan yang dijalankan adalah kempen kesedaran tentang tapak warisan yang dijalankan oleh pihak tertentu bersama dengan pihak yang lain.

Keindahan, keunikan dan nilai sejarah yang terdapat pada Gua Cha haruslah dipelihara dengan baik dari sebarang kerosakan samada yang terjadi disebabkan oleh buatan manusia mahupun disebabkan alam semulajadi dan juga haiwan liar. Aktiviti pembalakan dan pencerobohan yang berlaku di sekitar kawasan Gua Cha harus dihentikan kerana ia menganggu dan mencemarkan kawasan sekitar dengan pencemaran udara, pencemaran air dan juga menyebabkan berlakunya tanah runtuh di kawasan sekitar. Tanah kawasan tersebut juga menjadi gondol dan pemandangan menjadi cacat disebabkan kegiatan pembalakan haram dan tidak terkawal tersebut.

Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan berkaitan Gua Cha harus digiatkan lagi agar lebih ramai orang sedar dan tahu akan kepentingan tapak warisan ini. Selain dari masyarakat belajar dan mengetahui tentang sejarah Gua Cha, mereka juga harus terlibat

dengan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan di kawasan berkenaan samada secara langsung ataupun tidak langsung. Aktiviti dan program seperti ini diutamakan kepada generasi muda seperti pelajar sekolah dan pelajar dari institusi pengajian tinggi kerana mereka adalah generasi yang akan memelihara warisan ini untuk tatapan generasi seterusnya. Namun disebabkan kawasan ini tidak diuruskan dengan baik untuk kunjungan orang awam, dikhuatiri masyarakat tidak lagi mengambil tahu akan tempat ini dan terus melupakannya pada masa akan datang.

Oleh itu, kawasan ini amat penting untuk diuruskan dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab dan perlu memastikan kawasan ini terus boleh dikunjungi oleh orang awam. Kunjungan daripada orang awam juga tidak terhad kepada golongan pengkaji dan penyelidik tetapi golongan awam biasa juga boleh melawat ke tempat ini sebagai salah satu aktiviti riadah dengan lancar tanpa sebarang masalah. Gua Cha berpotensi untuk dijadikan salah satu kawasan pelancongan yang boleh menjadi faktor penyumbang kepada ekonomi negara sekiranya diuruskan dengan betul. Malah, kawasan ini juga boleh menjadi salah satu ikon negara dan juga kepada masyarakat seluruh negara sepertimana terkenalnya Gua Niah sebagai salah satu kawasan pelancongan dan juga tapak warisan kepada orang ramai.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan hasil daripada kajian yang dijalankan di Gua Cha, Kelantan. Berdasarkan tempat kajian yang dipilih, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap kawasan kajian yang dipilih agar kawasan kajian yang dipilih itu ditambahbaik untuk masa yang akan datang. Pengkaji juga akan membuat kesimpulan yang berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan. Kesimpulan yang akan dilakukan ini meliputi bahagian bab satu hingga bab penutup. Pengkaji akan membuat kesimpulan berkaitan dengan hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan serta proses kajian yang dijalankan. Kesimpulan ini sangat penting kerana pengkaji akan merumuskan kesemua maklumat penting yang terdapat dalam kajian ini supaya pembaca dapat memanfaatkan hasil kajian ini dengan menyeluruh dan baik tanpa sebarang kekeliruan.

Tapak warisan sejarah di Malaysia mempunyai nilai sejarah yang tinggi di yang mana ia juga merupakan salah satu tarikan pelancong yang boleh membantu ekonomi negara. Tapak warisan sejarah ini juga penting kerana nilai sejarah yang terdapat di kawasan berkenaan memberi nilai dari segi kajian dan pendidikan di Malaysia. Maka, tapak warisan sejarah wajar dilindungi untuk kepentingan dari segi ekonomi, pendidikan dan nilai sejarah.

5.1 RINGKASAN

Gua Cha, Kelantan merupakan salah satu tapak warisan bersejarah yang ada di Malaysia dan wajar dipelihara untuk tatapan generasi yang akan datang amnya. Pengurusan kawasan tapak warisan ini semestinya penting kerana Gua Cha bukan sahaja mempunyai nilai sejarah yang tinggi untuk pengkaji samada dari dalam dan luar negara, malah ia juga merupakan salah satu kawasan pelancongan yang mendatangkan hasil ekonomi kepada negara. Penemuan dan kajian terdahulu yang dilakukan di tapak warisan ini telah menarik minat para pengkaji termasuklah dari luar negara untuk datang dan melakukan kajian di kawasan tersebut. Mereka berpendapat bahawa tinggalan yang ada di tapak warisan Gua Cha merupakan tinggalan sejarah yang terpenting berkaitan kehidupan tamadun masyarakat pada masa dahulu. Oleh itu, sebarang penemuan dan tinggalan yang terdapat di kawasan ini merupakan sejarah yang bernilai tinggi. Selain tapak warisan Gua Cha merupakan kawasan kajian bagi para pengkaji, terdapat juga golongan tertentu yang berkunjung ke kawasan ini untuk beriadah dan menikmati alam semulajadi.

Kesedaran dan pengetahuan am berkaitan Gua Cha terhadap masyarakat setempat tidak begitu meluas dan mendalam terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kajian yang telah dilakukan menunjukkan golongan muda tidak begitu mengambil tahu akan sejarah dan perkembangan yang berlaku berkaitan dengan Gua Cha kerana meraka tidak didedahkan dengan pengetahuan ini dengan lebih mendalam. Generasi muda hanya mengetahui kisah Gua Cha dalam kadar yang rendah dari segi pembelajaran di sekolah melalui buku teks sekolah. Pengetahuan mereka hanya terhad pada kadar tersebut dan tidak diberi kesedaran tentang kepentingan kawasan berkenaan terhadap masyarakat setempat dan juga negara. Malah, secara umumnya masyarakat tidak mengambil peduli dengan perkara yang berlaku di tapak warisan tersebut dan tidak terlibat dengan sebarang aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan oleh beberapa pihak yang bertanggungjawab.

Aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan negara terhadap tapak warisan sejarah perlulah dititikberatkan dari pelbagai pihak. Tapak warisan sejarah Gua Cha mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih besar dan meluas dari segi sektor pelancongan, sektor ekonomi dan juga sektor pendidikan sekiranya diuruskan dengan baik. Keadaan tapak warisan Gua Cha di Kelantan yang tidak diuruskan dengan baik oleh pihak tertentu termasuklah kerjasama dengan masyarakat tempatan telah menyebabkan tapak kawasan itu dalam keadaan yang terbiar dan tidak mendapat sambungan dalam kalangan pengunjung luar. Dari segi keadaan semulajadi, kawasan berkenaan juga terjejas akibat berlakunya pencerobohan dan pembalakan haram serta pembalakan yang tidak terkawal di kawasan berkenaan sehingga kawasan sekitarnya menjadi gondol. Kegagalan pihak berkuasa dalam mengawal dan menguruskan tapak warisan serta kawasan sekitarnya amat membimbangkan terutamanya pada masa yang akan datang.

Tapak warisan Gua Cha tidak diuruskan dengan baik kerana boleh dilihat dari segi keadaan semasa kemudahan awam yang disediakan di kawasan berkenaan untuk kegunaan para pengunjung. Keadaan ruang rehat yang disediakan di kawasan berkenaan untuk para pengunjung tidak dijaga dan diselenggara dengan baik yang mana keadaan tersebut dikhuatiri mendatangkan kecederaan kepada para pengunjung. Selain itu, keadaan laluan keluar masuk keluar ke kawasan berkenaan juga tidak diselenggara dengan baik untuk kenderaan samada pengunjung tempatan dan juga dari luar negara. Sekiranya keadaan sekeliling tapak warisan dijaga dan diselenggara dengan baik oleh pihak pengurusan kawasan berkenaan, lebih banyak pengunjung akan datang untuk meneroka alam semulajadi dan menghargai nilai sejarah yang terdapat di kawasan tersebut.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan memberi beberapa cadangan dan saranan kepada beberapa pihak berkaitan dengan isu tapak warisan Gua Cha. Cadangan dan saranan

yang pengkaji tampilkan adalah tidak lain bukan untuk kebaikan tapak warisan berkenaan serta kepentingan kepada masyarakat dan negara.

5.2.1 Pemeliharaan Dari Segi Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Lebih Ketat

Kedaaan sekitar Gua Cha kini menjadi kebimbangan kerana terdapat pembalakan yang berterusan berlaku di kawasan berkenaan. Pembalakan yang berlaku di kawasan tersebut telah merosakkan dan memberi kesan yang buruk kepada kawasan sekitar. Tanah di kawasan tersebut menjadi gondol, air sungai yang berdekatan kawasan sekitar juga tercemar dan secara tidak langsung berlaku pencemaran udara di sekitar berkenaan. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan kepada tapak arkeologi tersebut, ia juga memberi kesan yang negatif kepada masyarakat penduduk setempat berdekatan. Pembalakan yang berlaku di Gua Cha juga telah menganggu keamanan dan kebersihan di kawasan berkenaan.



Gambar 8: Kedaaan Lokasi Sekitar Gua Cha, Kelantan Yang Diancam Pembalakan

Sumber: Internet Pada Tahun 2016

Oleh itu, pihak berkuasa harus menjalankan penguatkuasaan undang-undang dengan lebih ketat. Negara kita mempunyai undang-undang yang melindungi alam sekitar, harta warisan negara dan juga undang-undang yang menjaga rakyat Malaysia. Walaupun sudah terdapat undang-undang yang berkaitan dengan isu ini, pelaksanaan

undang-undang tersebut tidak dijalankan dengan sebaik-baiknya. Masih banyak pembalakan haram serta pembalakan yang diluluskan berlaku dengan pantas dan ini memberi kesan yang buruk kepada tapak warisan serta kawasan sekitar berkenaan. pembalakan haram harus dikenakan tindakan undang-undang dengan keras dan tegas supaya tiada lagi pihak yang tidak bertanggungjawab merosakkan kawasan sekitar berkenaan. Disebabkan kelemahan pelaksanaan inilah berlakunya pembalakan haram dengan banyak. Walaupun begitu, pembalakan yang diluluskan juga harus dikawal supaya tidak berlaku pembalakan secara berlebihan sehingga menyebabkan kawasan berkenaan gondol.

5.2.2 Pemeliharaan Dengan Memberi Kesedaran Kepada Orang Awam Berkaitan Dengan Tapak Warisan Gua Cha

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan pengetahuan masyarakat awam berkenaan Gua Cha, masih ramai diantara mereka yang tidak mengetahui tentang Gua Cha. Mereka tidak mengetahui akan sejarah dan perkembangan semasa yang berlaku di Gua Cha dan perkara ini juga agak membimbangkan bagi masa yang akan datang. Hal ini khususnya membimbangkan bagi generasi muda kerana golongan ini yang akan meneruskan isu yang berkaitan dengan Gua Cha. Oleh itu, masyarakat harus diberi lebih banyak kesedaran tentang sejarah yang terkandung di kawasan warisan tersebut. Masyarakat juga harus diberi kesedaran tentang kepentingan menjaga tapak warisan tersebut supaya tidak dilupakan pada masa akan datang. Mereka juga perlu didedahkan dengan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan secara aktif bersama-sama dengan pihak yang lain untuk mengekalkan keadaan tapak arkeologi tersebut.

5.2.3 Pemuliharaan Dari Segi Penjagaan Tapak Warisan Gua Cha Dengan Baik

Keadaan di sekitar kawasan Gua Cha juga menjadi salah satu perkara yang harus diambil berat oleh masyarakat setempat terutamanya pihak yang menguruskan kawasan berkenaan. Ini dikatakan demikian kerana kemudahan yang disediakan di kawasan berkenaan tidak dijaga dengan baik dan menyebabkan para pengunjung tidak dapat

menggunakan kemudahan yang ada dengan baik. Malah para penyelidik yang datang untuk membuat penyelidikan juga tidak dapat menikmati kemudahan yang ada semasa berkunjung ke tapak arkeologi tersebut. Sebagai pengunjung, sudah semestinya mereka ini ingin melawat atau melakukan kajian di Gua Cha dengan baik tanpa menghadapi sebarang masalah.



Gambar 9: Keadaan Sekitar Kawasan Warisan Gua Cha, Kelantan

(Sumber: Internet Pada Tahun 2016)

Oleh itu, sebarang kerosakan yang berlaku di Gua Cha harus diambil tahu dan diperbaiki kemudahan tersebut untuk memastikan pengunjung dapat menikmati kemudahan yang disediakan. Ini kerana pengunjung yang datang melawat ke kawasan berkenaan bukan sahaja terdiri daripada golongan yang sudah mahir dengan kawasan tersebut, terdapat juga rombongan lawatan sambil belajar yang diadakan oleh pihak sekolah dan juga pihak universiti. Oleh itu, kemudahan yang disediakan haruslah diselenggara dengan baik untuk memastikan tiada kecemasan dan kecederaan yang berlaku dengan teruk. Malah sekiranya terdapat kecemasan yang berlaku, pengunjung dapat menghubungi dan merawat kecemasan yang berlaku dengan lancer sekiranya kawasan tersebut terdapat ruang yang mesra pengunjung. Contoh kawasan yang harus dibaik pulih ialah keadaan jalan yang digunakan di kawasan berkenaan, ruang yang disediakan untuk berkumpul dan untuk kecemasan, ruang meletak kawasan yang luas dan lain-lain lagi.

Selain itu, keadaan di dalam dan di sekitar Gua Cha juga harus dipulihara dengan baik. Ini kerana kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan di kawasan berkenaan secara tidak langsung telah memberi kesan kepada keadaan di dalam dan di sekitar gua tersebut. Hasil dari kajian dan penyelidikan yang dilakukan di kawasan berkenaan menyebabkan keadaan tanah yang sudah digali dan tidak diuruskan dengan baik selepas aktiviti cari gali dilakukan. Keadaan semasa melakukan kajian juga menyebabkan kawasan tersebut berisiko tinggi untuk dilawati oleh orang awam kerana kemungkinan untuk berlaku kemalangan itu tinggi.

Sehubungan dengan itu, kawasan sekitar Gua Cha dan termasuk keadaan di dalam Gua Cha harus diberi perhatian terutama pihak berkuasa dengan lebih teliti dan lebih serius. Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan di tapak warisan tersebut juga harus dijalankan dengan baik dan aktif termasuk juga dengan masyarakat setempat. Isu ini penting dan menjadi perkara yang serius kerana sekiranya tapak warisan yang menjadi kebanggaan negara tidak dijaga dengan baik, potensi Gua Cha untuk terus menjadi salah satu tarikan pelancong tempatan dan juga luar negara akan dipandang sepi. Malah, lama kelamaan masyarakat tempatan terutama generasi muda akan melupakan tapak warisan ini termasuk sejarah yang ada dan mereka juga akan melupakan kepentingan tapak warisan tersebut terhadap negara.

5.3 PENUTUP

Secara kesimpulannya, Gua Cha, Kelantan merupakan salah satu tapak warisan yang penting dalam sejarah dunia kerana penemuan dan tinggalan yang ada di kawasan tersebut. Hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan di kawasan berkenaan telah membuktikan bahawa kawasan berkenaan mempunyai nilai sejarah yang penting dan harus dikekalkan serta perlu dijaga dengan baik untuk masa akan datang. Selain itu, tapak kawasan sejarah tersebut juga sekiranya diuruskan dengan sebaik-baiknya dapat membantu ekonomi negara dengan kadar yang tinggi. Ini kerana tapak warisan juga merupakan salah satu daya tarikan pelancong yang datang berkunjung samada dari dalam negara maupun luar negara. Usaha yang berterusan harus dijalankan untuk

memastikan keadaan tapak warisan terus terjaga dan terpelihara daripada terbiar dan rosak kerana buatan manusia dan kesan bencana alam semulajadi.

Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa tapak warisan sejarah Gua Cha di Kelantan ini harus dibangunkan dengan teknologi yang ada mengikut perkembangan semasa. Generasi muda menjadi tumpuan dalam isu berkaitan dengan tapak warisan ini kerana generasi inilah yang akan mengambil alih dan menguruskan tapak warisan mengikut kemudahan teknologi semasa. Malah golongan ini juga mempunyai kelebihan dalam pembangunan teknologi kerana maklumat mudah disebarluaskan dengan cepat tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, generasi muda ini mempunyai kelebihan dalam menguruskan tapak warisan ini dengan lebih baik kerana mereka mempunyai rangkaian komunikasi kerana dengan lebih ramai pihak dan yang kreatif dalam melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan.

Pengkaji berharap kajian yang telah dilakukan mengenai kajian kes di tapak warisan Gua Cha ini dapat membantu para pengkaji yang lain dalam melakukan kajian seterusnya. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada pembaca yang membaca kajian ini samada untuk bacaan umum ataupun khas. Pengkaji juga berharap Gua Cha dapat dikekalkan identitinya sebagai salah satu tapak warisan sejarah dan menjadi aset penting negara. Dengan pengurusan yang baik dan betul daripada pelbagai pihak diharapkan dapat menaikkan nama Gua Cha dengan lebih meluas dan kawasan sekeliling ditambahbaik untuk kegunaan orang ramai. Hasil dan kepentingan yang didapati di tapak warisan sejarah ini diharap dapat memberi manfaat yang sebaiknya kepada masyarakat dan juga negara.

BIBLIOGRAFI

Gua Cha Sebuah Kampung Berusia 10,000 Tahun : Siri Sejarah Silam Kelantan.

(2014, April 21). Blogspot. Retrieved February 8, 2021, from <http://pp-sk.blogspot.com/2015/04/gua-cha-sebuah-kampung-berusia-10000.html?m=1>

Gua Cha : Tapak Arkeologi di Kelantan. (2013, May 24). Blogspot. Retrieved

February 8, 2021, from <http://adminpasirmas.blogspot.com/2013/05/gua-cha-tapak-arkeologi-di-kelantan.html?m=1>

Hafiz Zainuddin. (2016). Tapak Arkeologi 10,000 Tahun Gua Cha Diancam Pembalakan Di Kelantan. Dirujuk Pada Feb 8, 2021 Dari Laman Sesawang roketkini.com:

<https://www.roketkini.com/2016/10/27/tapak-arkeologi-10000-tahun-gua-cha-diancam-pembalakan-di-kelantan/>

Jamilah Nur Annissa. (2018). Arkeologi Kematian Dan Pengebumian Masyarakat Awal Semenanjung Malaysia. Dirujuk Pada Feb 8, 2021 Dari Laman Sesawang.thepatriots.asia:

<https://www.thepatriots.asia/arkeologi-kematian-dan-pengebumian-masyarakat-awal-semenanjung-malaysia/>

Mohd. Kamaruzaman A. Rahman. (1990). Penyelidikan Arkeologi Prasejarah di Negeri Kelantan. Jebat, 18, 15-34.

Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman. (1990). Masyarakat Prasejarah dan Perkaitannya Dengan Masyarakat Pribumi Semenanjung Malaysia. *Jebat*, 18, 3-14.

Nur Sarahah Mohd Supian. Zuliskandar Ramli. Azimah Hussin. (2018). Kebudayaan Hoabinhian Dan Neolitik Di Gua Jaya, Hulu Kelantan. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(1), 49-62.

Nurul Noorain Ahkemal Ismail, Zuliskandar Ramli. (2018). Penemuan Artifak Di Tapak Gua Chawan, Hulu Kelantan (Gali Cari Fasa 1). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 2(1), 171-184.

Peter Bellwood. (1993). Cultural And Biological Differentiation In Peninsular Malaysia: The Last 10,000 Years. *Asian Perspectives*, 32(1).

Ramli Ibrahim. (2020). Gua Cha Catat Sejarah Unggul. Dirujuk Pada Feb 8, 2021 Dari Laman Sesawang Berita Harian Online:

<https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/756862/gua-cha-catat-sejarah-unggul>

Salwa binti Ayob. (2011). Kesinambungan Perubahan Pemerian Jasad dan Rupa Tembikar Pra Sejarah Kepada Tembikar Tradisi Melayu. Universiti Sains Malaysia.

Zuliskandar Ramli. (2019). Penemuan Terkini Tapak Prasejarah Di Lembangan Sungai Nenggiri. Jurnal Arkeologi Malaysia, 32(1), 1-20.

Zulhilmie Paidi. Rohani Abdul Ghani. Ahmad Shukri Abdul Hamid. Suhanim Abdullah. Mohamad Khadafi Haji Rofie. (2014). Indeks Konservasi Bangunan Bersejarah Dan Tapak Warisan Kebudayaan: Pendokumentasian Dan Pengkategorian Untuk Industri Pelancongan Warisan (Heritage Tourism) Di Negeri-Negeri Utama Semenanjung Malaysia. Universiti Utara Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN